KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Kosmo
TAJUK	Malaysia, Thailand perkukuh kerjasama TVET, industri halal
PAUTAN	https://tinyurl.com/2s8yhtr8



Ahmad Zahid menerima kunjungan Anan di pejabatnya hari ini.

NEGARA

Malaysia, Thailand perkukuh kerjasama TVET, industri halal

Oleh KOSMO! 21 Ogos 2026, 8:37 pm

PETALING JAYA – Malaysia dan Thailand terus memperkukuh kerjasama dua hala menerusi penerokaan peluang dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta industri halal.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, perkara itu antara yang dibincangkan ketika menerima kunjungan hormat Timbalan Gabenor Wilayah Trang, Thailand, Pol. Capt. Anan Boon-Samran bersama delegasi hari ini.

Menurut beliau, kerjasama TVET menjadi antara ruang yang boleh terus diteroka bagi memperkasa pembangunan kemahiran dan modal insan kedua-dua negara.

"Pertemuan ini menjadi ruang yang baik untuk kami bertukar pandangan dalam usaha memperkukuh hubungan yang telah sekian lama terjalin antara Malaysia dan Thailand serta meneroka lebih banyak peluang kerjasama antara kedua-dua pihak.

"Antara yang kami bincangkan ialah potensi untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang TVET sebagai antara ruang yang boleh terus diteroka dalam usaha memperkasa pembangunan kemahiran dan modal insan kedua-dua negara," katanya di laman Facebook hari ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Malaysia, Thailand perkukuh kerjasama TVET, industri halal
PAUTAN	https://tinyurl.com/2wzd9vf8

Malaysia, Thailand perkukuh kerjasama TVET, industri halal

Local | World | 21 Aug 2026 • 8:37 PM MYT

Kosmo Online
Hub berita berintegriti dan sensasi dalam dan luar negara.



PETALING JAYA – Malaysia dan Thailand terus memperkukuh kerjasama dua hala menerusi penerokaan peluang dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta industri halal.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, perkara itu antara yang dibincangkan ketika menerima kunjungan hormat Timbalan Gabenor Wilayah Trang, Thailand, Pol. Capt. Anan Boon-Samran bersama delegasi hari ini.

Menurut beliau, kerjasama TVET menjadi antara ruang yang boleh terus diteroka bagi memperkasa pembangunan kemahiran dan modal insan kedua-dua negara.


"Pertemuan ini menjadi ruang yang baik untuk kami bertukar pandangan dalam usaha memperkukuh hubungan yang telah sekian lama terjalin antara Malaysia dan Thailand serta meneroka lebih banyak peluang kerjasama antara kedua-dua pihak.

"Antara yang kami bincangkan ialah potensi untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang TVET sebagai antara ruang yang boleh terus diteroka dalam usaha memperkasa pembangunan kemahiran dan modal insan kedua-dua negara," katanya di laman Facebook hari ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	The Star
TAJUK	Malaysians travelling abroad must respect foreign laws, says Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/3vy4tyyu



Malaysians travelling abroad must respect foreign laws, says Zahid

Published on 21 Aug 2026 10:18:11 PM

Share

Malaysians travelling abroad, particularly motorcyclists, must respect and comply with the laws and regulations of the host countries, says Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

The Deputy Prime Minister said this was important following a recent incident involving 17 Malaysian motorcyclists who were issued compounds in Hatyai, Thailand, for violating local regulations.


Read more at https://tinyurl.com/52jxnh9f

WATCH MORE: https://thestartv.com/c/news
SUBSCRIBE: https://cutt.ly/TheStar
LIKE: https://fb.com/TheStarOnline

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	NST
TAJUK	Malaysia, Thailand to discuss traffic rules after bikers' summonses
PAUTAN	https://tinyurl.com/537afacc



Malaysia, Thailand to discuss traffic rules after bikers' summonses

By Shuriffah Maheiznah Abdullah August 21, 2026 @ 9:25pm

A group of 17 Malaysian motorcyclists were issued 15 fines totalling 15,000 baht (about RM1,850) for various traffic offences by the Hat Yai authorities. SOURCE: SOCIAL MEDIA

Get breaking news fast — follow us on WhatsApp and Telegram.

Get the quick story here Summarise for me

KOTA BARU: Malaysia will discuss differences in traffic laws and regulations with Thai authorities to ensure Malaysians and Thais travelling between the two countries are better informed about each other's road rules.

Consul General of Malaysia in Songkhla, Thailand, Ahmad Fahmi Ahmad Sarkawi, said differences between the traffic laws of Thailand and Malaysia could lead to misunderstandings among motorists, particularly tourists unfamiliar with local regulations.

"Perhaps these differences are something that we need to discuss again with the Thai authorities so that citizens from both countries can be given better exposure to the traffic laws of both countries.

"There are indeed some differences between the traffic laws in Thailand and Malaysia," he said.

Ahmad Fahmi said it was important for tourists from both countries to respect and comply with the traffic laws of the countries they visited.

He said cooperation and better communication between authorities from both countries were important to ensure tourists were adequately informed about the respective traffic rules.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Malaysia Tribune
TAJUK	'Bikers' Malaysia perlu patuhi undang-undang negara jiran
PAUTAN	https://tinyurl.com/52vemfz2



Home / BERITA SEMASA / 'Bikers' Malaysia perlu patuhi undang-undang negara jiran – TPM Zahid

BERITA SEMASA

'Bikers' Malaysia perlu patuhi undang-undang negara jiran – TPM Zahid

Abdul Halim Hadi · 3 days ago · 100 · 1 minute read

KUALA LUMPUR – Penunggang motosikal Malaysia yang memasuki negara jiran diingatkan supaya mematuhi undang-undang dan peraturan tempatan, susulan tindakan pihak berkuasa Thailand mengenakan kompaun terhadap beberapa warga Malaysia baru-baru ini.

Berita RTM hari ini melaporkan, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, pematuhan terhadap undang-undang negara yang dikunjungi adalah perkara asas yang perlu diberi perhatian setiap rakyat Malaysia.

"Pada hemat saya, di mana-mana negara pun kita harus mengikuti peraturan yang ditentukan oleh negara berkenaan.

"Dan tentunya kesefahaman mesti wujud di antara negara jiran, terutama kita berada dalam kerangka negara ASEAN," katanya dalam sidang media selepas Majlis Penutup Program Amal PDRM dengan Kerjasama Ipoh Superbike serta Ambang Merdeka Ke-69, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid berkata, isu membabitkan kenderaan asing yang melanggar peraturan juga boleh dibawa ke platform rundingan antara negara ASEAN bagi mencari penyelesaian secara bersama.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Berita RTM
TAJUK	Pembangunan luar bandar bukan sekadar infrastruktur, turut fokus kesejahteraan rakyat
PAUTAN	https://tinyurl.com/ymxymt5w

Pembangunan luar bandar bukan sekadar infrastruktur, turut fokus kesejahteraan rakyat

22/08/2026 | 11:07 PM - NASIONAL



Foto fail BERNAMA

KOTA SAMARAHAN, 22 Ogos – Agenda pembangunan luar bandar tidak hanya tertumpu kepada penyediaan infrastruktur, malah merangkumi pembangunan komuniti serta peningkatan kesejahteraan hidup penduduk.

RINGKASAN BERITA AI

- Sinergi agensi KKDW memperkukuh program ekonomi, keusahawanan, pendidikan dan pembangunan modal insan bagi membantu komuniti luar bandar.
- RISDA menerapkan teknologi baharu dalam sektor getah untuk meningkatkan hasil dan pendapatan pekebun kecil.
- Program GEMA serta inisiatif KEMAS seperti kelas dan tadika autisme memastikan bantuan dan perkhidmatan sampai kepada golongan sasar.

Timbalan Menteri Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Datuk Rubiah Wang berkata sinergi peranan agensi di bawah kementerian itu memainkan peranan besar dalam membantu masyarakat menerusi program ekonomi, keusahawanan, pendidikan, dan modal insan.

Sebagai contoh katanya, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) ketika ini giat menerapkan pendekatan berorientasikan keperluan rakyat menerusi penguasaan teknologi baharu dalam sektor getah bagi membantu melonjakkan hasil sekali gus meningkatkan pendapatan pekebun kecil luar bandar.

"Kita turut mengetengahkan maklumat mengenai program di bawah KEMAS. Baru-baru ini, kami telah melancarkan kelas dan tadika autisme bagi membantu masyarakat luar bandar yang kurang berkemampuan untuk menghantar anak-anak mereka ke kelas swasta yang kosnya agak mahal," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA) di Laman Samarahan, di sini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	TVS
TAJUK	Samarahan Berselawat wadah syukur kemakmuran, pembangunan
PAUTAN	https://tinyurl.com/4dxb546z



Datuk Rubiah Wang hadir pada Program Samarahan Berselawat Sempena Sambutan 40 Tahun Bahagian Samarahan.

Samarahan Berselawat wadah syukur kemakmuran, pembangunan

By TVS **#bm, Berita Sarawak August 22, 2026 8:00 AM**

KOTA SAMARAHAN, 21 Ogos: Program Samarahan Berselawat menjadi wadah masyarakat menzahirkan kesyukuran atas kemakmuran dan pembangunan yang dinikmati sepanjang 40 tahun Samarahan berkembang sebagai sebuah bahagian pentadbiran.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang, berkata penganjuran program berkenaan mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat.

"Platform keagamaan ini dimanfaatkan sebagai wadah untuk menzahirkan rasa syukur atas kemakmuran dan pembangunan yang dinikmati masyarakat, khususnya penduduk di Kota Samarahan, selain mengeratkan hubungan serta perpaduan dalam kalangan komuniti setempat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media pada Program Samarahan Berselawat Sempena Sambutan 40 Tahun Bahagian Samarahan di sini, malam tadi.

Katanya, Gerakan Massa (GEMA) turut menyediakan jualan usahawan, pameran agensi dan pelbagai aktiviti kemasyarakatan sebagai platform mengeratkan hubungan serta perpaduan penduduk.

Program berkenaan turut menampilkan Imam Muda Asyraf dan kumpulan nasyid Raihan sebagai pengisian keagamaan.

Menurutnya, pelbagai program lain turut dilaksanakan sempena sambutan berkenaan, termasuk Ziarah Kasih, Sentuhan Kasih, Belia Berbakti serta aktiviti berasaskan komuniti yang bermula sejak 19 Ogos.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TVS
TAJUK	Kota Samarahan berkembang pesat selepas 40 Tahun
PAUTAN	https://tinyurl.com/54xvhrva



Datuk Rubiah Wang

Kota Samarahan berkembang pesat selepas 40 Tahun

By TVS **#bm, Berita Sarawak August 22, 2026 7:52 AM**

KOTA SAMARAHAN, 21 Ogos: Bahagian Samarahan terus berkembang pesat sejak ditubuhkan sebagai bahagian pentadbiran pada 26 Julai 1986, dengan pembangunan merangkumi aspek infrastruktur, ekonomi dan modal insan.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang berkata, dalam tempoh empat dekad, Samarahan bukan sahaja mengalami perubahan ketara dari segi infrastruktur, malah turut berkembang sebagai hab pendidikan dan pengeluaran makanan.

Katanya, perkembangan sektor pendidikan khususnya memberi impak positif terhadap pembangunan modal insan apabila semakin ramai anak tempatan mendapat akses kepada pendidikan yang lebih baik dan melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi.

"Strategi menjadikan Kota Samarahan sebagai hab pendidikan dan pengeluaran makanan kini menunjukkan hasil yang jelas, bukan sahaja menerusi penyediaan pelbagai kemudahan pendidikan, malah dalam melahirkan modal insan yang cemerlang.

"Anak-anak Samarahan kini mendapat akses kepada pendidikan yang lebih baik dan sempurna, sekali gus menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik serta jumlah pelajar yang melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi.

"Bagi Parlimen Kota Samarahan sahaja, lebih 500 anak tempatan kini melanjutkan pengajian ke universiti, manakala jumlah keseluruhan bagi Bahagian Samarahan dianggarkan melebihi 1,000 orang," katanya ketika ditemui pemberita pada Program Samarahan Berselawat sempena Sambutan 40 Tahun Bahagian Samarahan di sini, malam tadi.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TVS
TAJUK	24 kelas autisme KEMAS bakal diwujudkan di Sarawak
PAUTAN	https://tinyurl.com/yjmczyzh



Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang bersama pemenang pertama pertandingan melukis kategori 5 tahun. Foto: TVS.

Berita Berkaitan

Operasi SMK Santubong lancar selepas dibuka semula
By TVS August 24, 2026 11:45 AM

Pendidikan landasan lahirkan pemimpin masa depan Sarawak
By TVS August 22, 2026 4:41 PM

Pendidikan, kesedaran penting cegah rabies
By Izzah Kamilah Yunus August 22, 2026 3:09 PM

Malaysia, Filipina bincang percepat penghantaran pulang pendatang tanpa izin di Sabah
By Bernama August 19, 2026 7:33 AM

MIS rancang program ilmu setiap bulan
By Asmah Adenan August 17, 2026 11:21 AM

24 kelas autisme KEMAS bakal diwujudkan di Sarawak

By TVS #bm, Berita Sarawak August 22, 2026 2:29 PM

KOTA SAMARAHAN, 22 Ogos: Sebanyak 24 kelas autisme di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) menerusi Tabika Tunas Istimewa bakal diwujudkan di seluruh Sarawak tahun depan.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang berkata, peluasan kelas berkenaan merupakan antara usaha kementerian bagi memastikan kanak-kanak autisme, khususnya di kawasan luar bandar, mendapat peluang pendidikan yang lebih baik.

Menurutnya, ketika ini hanya satu kelas autisme dilaksanakan di Sarawak, manakala jumlah itu akan ditingkatkan kepada 24 kelas tahun depan.

"Sebenarnya baru-baru ini kita telah melancarkan Tabika Autisme yang mana ia menjadi isu utama peringkat luar bandar.

"Mereka tidak mampu untuk mengantar anak mereka ke kelas private yang mahal. Jadi sekarang, dari tahun ini cuma satu kelas, tahun depan kita akan bergerak menjadi 24 kelas seluruh Sarawak. Kalau di seluruh Malaysia, ada 132 kelas untuk seluruh Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas berakhirnya Perasmian Program GEMA@KKDW di Halaman Samarahan pada Sabtu.

Menurut Rubiah, masyarakat perlu dimaklumkan mengenai peluang berkenaan supaya kanak-kanak autisme tidak hanya berada di rumah, sebaliknya diberikan akses kepada pendidikan yang dapat membantu mereka menjadi lebih berdikari.

Adobe
Creative Cloud Pro
Students save over 70% on Creative Cloud Pro.
First year only. Terms apply.
Learn more

Perut Kembung & Sukar Bernafas? Cuba Ikhtiar Semula Jadi Ini

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Utusan Sarawak
TAJUK	KKDW perkasa pembangunan desa menerusi 28 inisiatif strategik
PAUTAN	https://tinyurl.com/y3en743d

KKDW perkasa pembangunan desa menerusi 28 inisiatif strategik

Utusan Sarawak August 22, 2026 TEMPATAN

Facebook WhatsApp



AMANAT...Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang ketika berucap pada Program Gerakan Massa Masyarakat Desa (Gema@KKDW) Sarawak 2026 hari ini. Foto Norman B

KOTA SAMARAHAN: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menetapkan 28 inisiatif strategik di bawah tujuh kluster tahun ini bagi memastikan setiap dasar, program dan usaha pembangunan desa memberi impak kepada rakyat.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang, berkata pelaksanaan inisiatif itu merangkumi pelbagai agensi termasuk Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda), Majlis Amanah Rakyat (Mara), Giatmara Sdn. Bhd. (Giatmara), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (Felcra) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) dengan tumpuan untuk mewujudkan lebih banyak peluang, meningkatkan pendapatan serta memastikan pembangunan luar bandar benar-benar dirasai masyarakat.

"Matlamat kita tetap sama, iaitu mahu lebih banyak peluang diwujudkan, pendapatan rakyat ditingkatkan dan pembangunan luar bandar benar-benar dapat dirasai oleh masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Gerakan Massa Masyarakat Desa (Gema@KKDW) Sarawak 2026, di sini, hari ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Usahawan Sarawak jana jualan RM53.4 juta tahun lalu melalui pelbagai program MARA: Rubiah
PAUTAN	https://tinyurl.com/p9btsmvu

Usahawan Sarawak jana jualan RM53.4 juta tahun lalu melalui pelbagai program MARA: Rubiah

Ogos 22, 2026, Sabtu - 6:18pm



Rubiah (lima kanan) merakamkan kenangan bersama wakil dan hadirin selepas menyampaikan cek cura kelulusan peruntukan Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) Sebuyau, Sarawak Tahun 2026 bernilai RM1,964,850 pada majlis tersebut.

KOTA SAMARAHAN: Usahawan Sarawak berjaya menjana nilai jualan berjumlah RM53.4 juta tahun lepas menerusi pelbagai program pembangunan keusahawanan yang disokong Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Datuk Rubiah Wang berkata, sokongan agensi KKDW terbabit bukan sahaja membantu meningkatkan pendapatan usahawan Sarawak, malah membuka peluang kepada mereka untuk menyumbang kembali kepada komuniti.

"Dengan sokongan Majlis Amanah Rakyat (MARA) seramai 1,156 usahawan Sarawak pada 2025 telah memanfaatkan kira-kira RM33 juta dengan menjana nilai jualan sebanyak RM53.4 juta serta mewujudkan lebih 1,045 peluang pekerjaan.

"Pada masa yang sama, usahawan kena bagi balik kepada masyarakat. Contohnya hari ini, kita ada gunting rambut percuma dan pemeriksaan gigi percuma daripada usahawan-usahawan yang berjaya," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Program GEMA@KKW Peringkat Negeri Sarawak di Halaman Kota Samarahan yang telah bermula semalam hingga 23 Ogos ini.

Rubiah berkata, MARA menyediakan 24 skim pembiayaan bernilai antara RM10,000 dan RM1 juta, selain sokongan latihan, bimbingan, pensijilan, premis dan akses pasaran bagi membantu usahawan mengembangkan perniagaan.

Justeru katanya, Program GEMA @KKW menjadi platform kementerian turun padang dan menyantuni masyarakat luar bandar bagi memastikan tiada golongan yang terpinggir.

Tambahnya, pendekatan pembangunan luar bandar kini bukan sahaja memberi tumpuan kepada infrastruktur seperti jalan, bekalan air, elektrik dan jambatan, malah merangkumi pembangunan sosial serta ekonomi komuniti.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Kosmo
TAJUK	'Dah 2026 pun kena panjat batu cari line'
PAUTAN	https://tinyurl.com/p53ykc9k



SEORANG penduduk Orang Asli mencari liputan telefon di luar kawasan rumahnya di Kampung Ladoi, Pos Hau, Gua Musang. – AIMUNI TUAN LAH

NEGARA

'Dah 2026 pun kena panjat batu cari line'

Oleh AIMUNI TUAN LAH 22 Ogos 2026, 8:55 am

GUA MUSANG – Penduduk Orang Asli Kampung Ladoi, Pos Hau di sini tiada pilihan lain apabila terpaksa mendaki bukit di kawasan tersebut untuk mendapatkan talian telefon dan capaian internet yang lebih stabil.

Ketiadaan kemudahan capaian internet yang baik dan jalan yang rosak menyebabkan lebih 200 penduduk berdepan kesukaran terutama ketika berlaku kecemasan.

Pembantu Am Kebajikan Perubatan (PAKP) lantikan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa), A-nuar Along, 41, berkata, masalah capaian telefon bukan sahaja menyukar urusan harian, tetapi menjadi kritikal apabila penduduk perlu mendapatkan bantuan perubatan kecemasan.

Katanya, dia yang bekerja sebagai PAKP atau porter terpaksa menunggang motosikal kira-kira 20 minit untuk mendaki bukit bagi mendapatkan talian telefon sebelum boleh menghubungi pihak berkaitan.

"Saya bekerja sebagai porter dan apabila perlu memohon kenderaan untuk membawa pesakit atau mendapatkan perkhidmatan pemindahan perubatan (Medevac), saya terpaksa naik ke atas bukit untuk dapatkan talian.

"Perjalanan naik motor ambil masa kira-kira 20 minit. Kalau keadaan pesakit kritikal, memang membimbangkan kerana kita perlu cari liputan talian dahulu sebelum boleh buat panggilan," katanya

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	Empat pos pedalaman Gua Musang masih belum nikmati bekalan elektrik
PAUTAN	https://tinyurl.com/mtcz7zw6

AM › BERITA

Empat Pos Pedalaman Gua Musang Masih Belum Nikmati Bekalan Elektrik

20/08/2026 07:36 PM



Pos Balar

GUA MUSANG, 20 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 5,320 penduduk Orang Asli suku kaum Temiar di Pos Hau, Pc Belatim, Pos Bihai dan Pos Balar masih belum menikmati bekalan elektrik, berikutan kawasan berkenaan belum mempunyai infrastruktur bekalan elektrik.

Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Kelantan dan Terengganu Mohd Faedzyal Mohamed berkata pihaknya, akan mengemukakan permohonan bekalan elektrik luar bandar kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah secara berperingkat, mengikut keutamaan.

"Buat masa ini, sumber elektrik penduduk bergantung kepada kemampuan masing-masing. Ada yang membeli solar untuk kegunaan di rumah dan ada juga menggunakan generator," katanya ketika ditemui pemberita di sini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Merdeka Times
TAJUK	Huffaz dominasi graduan terbaik institusi pendidikan MARA
PAUTAN	https://tinyurl.com/stn3hskt

Huffaz dominasi graduan terbaik institusi pendidikan MARA

Published 3 days ago on August 21, 2026
By **Wartawan TMT**



Foto: Pengerusi MARA, Datuk Asyraf Wajdi Dusuki.

- Pengerusi MARA, Datuk Asyraf Wajdi Dusuki berkata huffaz Al-Quran didapati lebih cemerlang dalam cabang akademik termasuk bidang profesional dan TVET.
- "MARA telah buktikan bahawa para Huffaz Al-Quran lebih cemerlang dalam cabang akademik termasuk bidang profesional dan TVET," katanya.
- Menurut Asyraf Wajdi, graduan terbaik pada Konvokesyen Institusi Pendidikan MARA kini banyak didominasi oleh golongan Huffaz.

KUALA LUMPUR – Golongan Huffaz Al-Quran didapati lebih cemerlang dalam cabang akademik termasuk bidang profesional dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), menurut Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Asyraf Wajdi Dusuki.

Beliau berkata, perkara itu telah dibuktikan oleh MARA berdasarkan pencapaian para Huffaz Al-Quran dalam bidang akademik.

"MARA telah buktikan bahawa para Huffaz Al-Quran lebih cemerlang dalam cabang akademik termasuk bidang profesional dan TVET," katanya menerusi satu hantaran.

Menurut Asyraf Wajdi, graduan terbaik pada Konvokesyen Institusi Pendidikan MARA kini banyak didominasi oleh golongan Huffaz.

Beliau berkata keadaan itu menunjukkan golongan Huffaz bukan sahaja cemerlang dalam bidang pengajian Al-Quran, malah turut menyerlah dalam cabang akademik termasuk bidang profesional dan TVET. – The Merdeka Times

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Kampung Ladoi perlukan akses internet, bekalan elektrik dan jalan
PAUTAN	https://tinyurl.com/52cjh46e

Kampung Ladoi perlukan akses internet, bekalan elektrik dan jalan

Paya Linda Yahya
am@hmetro.com.my



Gua Musang: Seramai 225 penduduk Orang Asli di Kampung Ladoi, Pos Hau, masih mengharapkan kemudahan infrastruktur di penempatan mereka dapat dinaik taraf.

Penduduk Orang Asli kaum Temiar di kawasan itu berharap pihak berwajib dapat menyediakan jalan perhubungan yang lebih baik selain kemudahan internet dan solar.

Seorang penduduk, Anor Aznan, 46, berkata, sehingga kini mereka masih menggunakan pelita pada waktu malam untuk menerangi kediaman mereka.

Katanya, untuk menghidupkan lampu menggunakan generator, mereka terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar bagi membeli petrol.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Ziarah Kasih KEMAS santuni tujuh penerima di Kota Samarahan
PAUTAN	https://tinyurl.com/yzkh757p

Ziarah Kasih KEMAS santuni tujuh penerima di Kota Samarahan

Advertisement

Ogos 21, 2026, Jumaat - 1:54pm



Ahmad (duduk tengah) diiringi Taufik (duduk kanan) serta yang lain ketika menyerahkan sumbangan kepada para penerima.

SIBU: Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Sarawak terus memperkukuh peranannya dalam mendekati dan menyantuni masyarakat di peringkat akar umbi menerusi penglibatan dalam Program Ziarah Kasih sempena Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA)@KKDW Negeri Sarawak 2026 Kota Samarahan.

Program bertemakan 'Menghulur Kasih, Menyantuni Kehidupan' itu menyaksikan tujuh penduduk dari Kampung Muara Tuang Hulu dan Kampung Sindang Hulu menerima sumbangan berupa bakul makanan serta wang tunai bagi membantu meringankan beban dan memenuhi keperluan harian mereka.

Turut bersama dalam lawatan Ziarah Kasih tersebut ialah Pengarah KEMAS Negeri Sarawak Taufik Mohd Yusop sebagai manifestasi komitmen KEMAS Sarawak dalam menjayakan agenda pembangunan komuniti serta memastikan kebajikan masyarakat, khususnya golongan yang memerlukan, terus diberikan perhatian.

Kehadiran beliau dalam program turun padang itu turut memberi peluang untuk mendekati penerima dan ahli keluarga secara langsung, selain melihat sendiri keadaan serta keperluan masyarakat setempat.

Pendekatan sebegini selaras dengan peranan KEMAS sebagai agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang sentiasa dekat dengan masyarakat dan komuniti luar bandar.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	New Sarawak Tribune
TAJUK	KEMAS to expand autism classes in Sarawak
PAUTAN	https://tinyurl.com/k232xdbs

Kemas to expand autism classes in Sarawak

Rasheeqa Bahida | Sarawak News | 22/08/2026 | Southeast Asians & Pacific Islanders | 5:09 pm



Rubiah (fifth right) presents a prize to a young winner of the children's colouring competition during the event.

LET'S READ SUARA SARAWAK/ NEW SARAWAK TRIBUNE E-PAPER FOR FREE AS EARLY AS 2 AM EVERY DAY. CLICK LINK

KOTA SAMARAHAN: The Community Development Department (KEMAS) will expand autism classes in Sarawak from one currently to 24 next year to widen access to formal education for children from lower-income families.

The initiative in the state is part of a broader nationwide expansion by KEMAS, which will see a total of 132 autism classes established across the country to meet growing demand.

Deputy Minister of Rural and Regional Development Datuk Rubiah Wang said the initiative was particularly important in rural areas, where families may not be able to afford private autism education costing between RM700 and RM1,000 per child monthly. Social Services

She said national statistics showed more than 70,000 children with autism nationwide, highlighting the need to expand affordable educational services.

"This is why TABIKA Tunas Istimewa is important, especially in rural areas.

"With this system, more children from less-affluent families with autism can receive formal education under the government," she told reporters after officiating at the Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA) – GEMA@KKW 2026 Sarawak-level programme at the Kota Samarahan Municipal Council (MPKS) compound on Saturday (Aug 22).

She urged parents to take advantage of the programme instead of keeping children with autism at home, saying education could help them become more independent and develop positive behaviours.

Meanwhile, KEMAS is also set to expand its smart classroom initiative in Sarawak, with three to four more classes expected to be upgraded next year.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	The Star
TAJUK	Political talks must be based on honesty
PAUTAN	https://tinyurl.com/56bwvxs9

Zahid: Political talks must be based on honesty

By FARIK ZOLKEPLI
farik@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Any political negotiations must weigh the potential benefits and drawbacks before an agreement is reached, says Barisan Nasional chairman Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (*pic*).

He said discussions must be conducted honestly and sincerely, with all parties honouring their commitments.

He said this when asked whether Barisan had finalised its political partner for the Melaka election.

According to Ahmad Zahid, Melaka Chief Minister Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, who is also the Melaka Barisan and Umno liaison committee chairman, has been given the mandate to lead negotiations at the state level.

Ahmad Zahid said the outcome would then be brought to the national level for further consideration and refinement.

"There is no single formula that is suitable for all states.



"Melaka needs a formula that is relevant to its own geopolitical situation, just as Johor and Negri Sembilan have their own respective formulas," he said after closing a charity ride at the Kuala Lumpur police headquarters yesterday.

He stressed that honesty, sincerity and keeping promises are essential to any political agreement or coalition.

On relations between Barisan and Pakatan Harapan at the national level, he said continued cooperation between the two coalitions is important to ensure political stability and effective governance.

"This includes Cabinet meetings, coordination between ministries and a whole-of-government approach, all for the benefit of the country and to maintain political stability," he said.

On a separate matter, Ahmad Zahid, who is also Deputy Prime Minister, said Malaysians travelling abroad, particularly motorcyclists, must respect and comply with the laws and regulations of the countries they visit.

He said the issue is important following a recent incident involving 17 Malaysian motorcyclists who were issued compounds in Hat Yai, Thailand, for violating local regulations.

He urged Malaysians to respect foreign laws and avoid actions that could lead to violations while travelling abroad.

"This is important as we must uphold the spirit of Asean, which is based on mutual understanding, tolerance and respect among member countries," he said.

Ahmad Zahid said such cross-border issues are among the matters discussed during annual consultation meetings between Malaysia and other Asean countries.

He said close ties between neighbouring countries should be reflected in mutual tolerance and a willingness to resolve problems collectively.

"We must demonstrate a spirit of positive neighbourliness and resolve issues through consultation and cooperation," he said.

Meanwhile, Ahmad Zahid hopes that future motorcycling events could be expanded in conjunction with the police force's 220th anniversary.

He said one proposal was to involve 220 motorcyclists as a symbolic representation of the milestone.

Ahmad Zahid added that motorcycling associations, particularly the Super Bikers Association of Malaysia, could be involved in the initiative.

"I also aim to take part in the event," he said.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	98 murid tabika KEMAS jayakan program sempena Bulan Kebangsaan di Mukah
PAUTAN	https://tinyurl.com/32dz9wfw

98 murid tabika KEMAS jayakan program sempena Bulan Kebangsaan di Mukah

MUKAH: Seramai 98 murid Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Kampung Kuala Lama Mukah, bersama pendidik masyarakat dan kakitangan KEMAS Mukah serta kakitangan Unit Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAK) Negeri Sarawak telah mengikuti dengan jayanya siaran langsung Majlis Pelancaran Akademi Alpha Gen Talents@KEMAS (Huffaz Cilik) Musim Ke-2 dan Pelancaran Bulan Kebangsaan KEMAS 2026 pada Isnin lalu.

Program yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Datuk Rubiah Wang di lobi utama Bangunan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Putrajaya ini menghimpunkan wakil terbaik Tabika KEMAS dari seluruh negara dalam pertandingan hafazan al-Quran bagi kanak-kanak berusia lima dan enam tahun.



MERIAH: Kanak-kanak tabika bersama guru-guru dan pegawai KEMAS di Mukah yang menyertai siaran langsung Majlis Pelancaran Akademi Alpha Gen Talents@KEMAS (Huffaz Cilik) Musim Ke-2 dan Pelancaran Bulan Kebangsaan KEMAS 2026 pada Isnin lalu.

Bagi tahun 2026, program ini menyasarkan penyertaan sekurang-kurangnya 120,000 kanak-kanak daripada 8,245 Tabika KEMAS yang melaksanakan Program Pra Tahfiz.

Memasuki musim kedua, inisiatif ini bukan sahaja menjadi wadah mencungkil bakat hafazan al-Quran, malah memperlihatkan komitmen berterusan KEMAS dan KKDW dalam melahirkan generasi yang seimbang dari aspek ilmu, sahsiah, dan pegangan agama sejak usia awal.

Pelaksanaannya turut diperkukuh melalui pendekatan Whole of Nation bersama rakan strategik utama seperti RTM, Yayasan Pahang, Universiti Islam Selangor (UIS), KUISCELL, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Yayasan PINTA, serta bakal menemui penonton bermula 12 September depan di TV OKEY.

Pada masa sama, majlis turut melancarkan Bulan Kebangsaan Peringkat KEMAS Tahun 2026 secara serentak di 14 negeri.

Sambutan yang berlangsung bermula 4 Ogos hingga 18 September ini menekankan usaha menyemai jati diri, semangat patriotisme dan nilai murni.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	11 pelajar MARA sambung pengajian di Imperial College London
PAUTAN	https://tinyurl.com/3yyyjkv9

11 pelajar Mara sambung pengajian di Imperial College London

KUALA LUMPUR - Pendidikan dibangunkan Majlis Amanah Rakyat (Mara) tidak sepatutnya dilihat sebagai laluan untuk memperoleh kelayakan akademik semata-mata.

Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Seri Zulfikri Osman sebaliknya berkata, anak-anak Mara perlu melihat diri mereka sebagai generasi yang bakal mewarisi legasi kepimpinan negara dalam pelbagai bidang.

"Saya mengingatkan 600 pelajar tajaan Mara terpilih untuk tidak mensia-siakan peluang, jaga nama baik Malaysia dan pulang sebagai aset yang boleh menyumbang bakti dalam negara.

"Pemimpin hebat tidak lahir hanya dengan memiliki keputusan akademik cemerlang," katanya ketika segmen *The Essence of Leadership* Program Pra-Pelepasan Pelajar Tajaan Mara ke Luar Negara Perdana 2026 di Pusat Dagangan Dunia (WTC).

Sebelum ini, Pengerusi Mara, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, seramai 11 pelajar tajaan Mara memperoleh tempat menyambung pengajian di Imperial College London, United Kingdom (UK) yang juga diiktiraf sebagai universiti kedua terbaik dunia berdasarkan QS World University Rankings 2026.



Zulfikri menyampaikan ucapan ketika segmen *The Essence of Leadership* Program Pra-Pelepasan Pelajar Tajaan Mara ke Luar Negara Perdana 2026 di WTC Kuala Lumpur.

Menurut Asyraf, seramai 40 pelajar mendapat tempat di universiti dalam kelompok 10 terbaik dunia, manakala 107 lagi di 20 universiti terkemuka dunia.

"Pergilah ke dunia, kuasai ilmu, bina jaringan dan karakter. Jangan hanya pulang sebagai graduan universiti terbaik dunia.

"Pulanglah sebagai bakat terbaik yang diperlukan Malaysia. Paling penting sekali, jangan lupa ALLAH SWT, solat dan asal-usul," jelas Asyraf.

Sementara itu, Zukfikri berkata, pendedahan di luar negara perlu dimanfaatkan sebaiknya sebagai ruang memperluaskan pandangan, membina jaringan antarabangsa dan memahami budaya serta perkembangan dunia.

"Kita bukan sekadar menghantar mereka untuk mendapatkan segulung ijazah tetapi untuk melihat dunia dan belajar daripada masyarakat berbeza.

"Kepimpinan dibentuk melalui pengalaman, keberanian, keupayaan dan kesediaan untuk terus belajar," katanya.

Beliau berkata, kemampuan mereka mengasah dan meningkatkan daya fikir kelas pertama serta berani membuat perubahan pada masa akan datang.

"Kamu semua (pelajar tajaan Mara) akan membawa dua bendera iaitu Jalur Gemilang dan bendera Mara. Maksudnya kalian diplomat atau duta mewakili negara," jelas beliau.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Penunggang Malaysia perlu patuh undang-undang tuan rumah
PAUTAN	https://tinyurl.com/3a75hn6s

Penunggang Malaysia perlu patuh undang-undang tuan rumah

KUALA LUMPUR - Penggemar sukan permotoran Malaysia yang mengadakan kembara ke luar negara perlu mematuhi undang-undang dan peraturan negara tuan rumah, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata, sikap saling menghormati, bertolak ansur dan memahami peraturan khususnya melibatkan negara jiran penting bagi memastikan hubungan baik sesama anggota ASEAN terus terpelihara.

"Pada hemat saya, di mana-mana negara pun kita harus mengikuti peraturan yang ditentukan oleh negara berkenaan. Kita harap semua saling menghormati dan bukan kita mahu melanggar undang-undang.

"Terlalu banyak toleransi yang boleh kita lakukan sebagai negara anggota ASEAN," katanya.

Ahmad Zahid berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penutup Program Amal Konvoi Charity Ride Kontinjen Negeri Sembilan bersama Ipoh Super Bike Club (ISBC) sempena sambutan Hari Polis ke-219 dan Ambang Merdeka ke-69 di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur (IPK) di sini pada Jumaat.

Beliau diminta mengulas insiden sekumpulan penunggang motosikal berkuasa tinggi dari Malaysia yang ditahan dan disaman polis trafik di Hat Yai, Thailand baru-baru ini dan tular video di media sosial mendakwa pihak berkuasa 'membuli' kumpulan penunggang berkenaan.

Bagaimanapun, polis Thailand menafikan dakwaan tersebut dan memaklumkan kompaun dikenakan kerana pelanggaran peraturan jalan raya termasuk penggunaan lampu berkelip dan ekzos yang menghasilkan bunyi melebihi had desibel.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, isu kenderaan berpendaftaran asing yang dikesan melanggar undang-undang jalan raya ketika memasuki Malaysia turut diberi perhatian.

Beliau berkata, sebarang permasalahan berkaitan perkara itu boleh dibincangkan dan dirungkai menerusi platform Mesyuarat Konsultasi Tahunan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pemimpin negara ASEAN.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Zahid menghargai inisiatif Program Amal Konvoi Charity Ride yang berjaya mengumpulkan RM102,000 hasil sokongan 53 syarikat untuk disalurkan kepada 120 keluarga warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta 12 rumah kebajikan di sepanjang laluan konvoi.

Beliau turut menyatakan hasrat menyertai program kembara motosikal secara besar-besaran bersempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-70 dan Hari Polis ke-220 tahun depan, dengan menyarankan penyertaan sekurang-kurangnya 220 penunggang. - *Bernama*

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Perasmian WITEX 2026 dan WCAF 2026
PAUTAN	https://tinyurl.com/4b9v677r

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Kesalahan kenderaan asing dirunding mesyuarat ASEAN
PAUTAN	https://tinyurl.com/mps944u6

Kesalahan kenderaan asing dirunding mesyuarat ASEAN

KUALA LUMPUR: Isu membabitkan kenderaan asing yang melanggar peraturan di Malaysia boleh dibincang dan diselesaikan melalui mesyuarat tahunan antara Perdana Menteri Malaysia dan wakil negara-negara ASEAN.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, perkara itu termasuk berkaitan berkenaan isu kenderaan asing yang melanggar peraturan ketika berada di Malaysia.

Menurutnya, mekanisme berkenaan membolehkan sebarang permasalahan dibincangkan secara terus antara negara, khususnya bagi memastikan hubungan kejiranan ASEAN terus erat.

"Sebarang permasalahan yang wujud boleh dirungkaikan dalam mesyuarat rundingan tahunan antara Perdana Menteri Malaysia dengan Perdana Menteri negara ASEAN," katanya dalam sidang akhbar Program Amal Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur semalam.

Tambah Ahmad Zahid, rakyat Malaysia yang berada di negara lain juga perlu mematuhi peraturan negara berkenaan.

Katanya, pematuhan terhadap undang-undang negara berkenaan amatlah penting namun kesefahaman dan toleransi antara negara jiran turut perlu diwujudkan dalam semangat ASEAN.

"Pendekatan berkenaan bukan bermaksud membenarkan mana-mana pihak melanggar undang-undang sebaliknya memberi ruang menyelesaikan isu melalui semangat kejiranan yang erat.

"Tolak ansur mesti dilakukan agar akan menampakkan semangat kejiranan yang erat di antara negara-negara ASEAN khususnya negara-negara jiran.

"Pendekatan melalui rundingan dan kesefahaman itu penting bagi memastikan isu melibatkan kenderaan asing dapat ditangani tanpa menjejaskan hubungan antara negara," katanya.

Sebelum ini, sekumpulan 17 penunggang motosikal Malaysia ke Hat Yai, Thailand menerima 15 saman daripada pihak berkuasa Thailand yang berjumlah 15,000 baht (kira-kira RM1,850) atas pelbagai kesalahan trafik termasuk penggunaan lampu berkelip, sistem ekzos bising dan kesalahan trafik lain.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Kampung Ladoi perlu elektrik, jalan, akses internet
PAUTAN	https://tinyurl.com/aeafrbcj

Kampung Ladoi perlu elektrik, jalan, akses internet

Gua Musang: Seramai 225 penduduk Orang Asli di Kampung Ladoi, Pos Hau masih mengharapkan kemudahan infrastruktur di penempatan mereka dapat dinaik taraf.

Penduduk Orang Asli kaum Temiar di kawasan itu berharap pihak berwajib menyediakan jalan perhubungan yang lebih baik selain kemudahan internet dan solar.

Penduduk, Anor Aznan, 46, berkata, sehingga kini mereka masih menggunakan pelita pada waktu malam untuk menerangi rumah mereka.

Katanya, untuk menghidupkan lampu menggunakan generator, mereka terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar bagi membeli petrol.

"Di rumah saya masih menggunakan pelita pada waktu malam. Walaupun ada generator penggunaan adalah sangat terhad kerana perlu membeli petrol.

"Selain itu, penduduk kampung juga sangat berharap jalan masuk ke perkampungan ini dari Kampung Redip dapat dinaik taraf kerana jalan kerap rosak apabila musim hujan.

"Walaupun tinggal jauh di pedalaman, kami penduduk Orang Asli juga mengharapkan kemudahan akses internet untuk berhubung dengan dunia luar," katanya ketika ditemui di Kampung Ladoi, di sini.



MOHD Syahbuddin mengagihkan pakaian terpakai kepada penduduk ketika berkunjung ke Kampung Ladoi, Pos Hau.

Bagi Pekerja Awam Kebajikan dan Kesihatan (PAKP) Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Anuar Along, ketiadaan capaian internet di penempatan itu menyukarkannya untuk membuat panggilan kecemasan kepada pihak berwajib.

Katanya, dia terpaksa menempuh perjalanan kira-kira 20 minit menggunakan motosikal untuk mendapatkan kemudahan internet bagi menghubungi pihak berwajib apabila berlaku kecemasan.

"Selain masalah jalan perhubungan yang rosak apabila hujan kami juga memerlukan kemudahan internet di penempatan ini.

"Ketiadaan kemudahan internet menyukarkan kami untuk berhubungan dengan dunia luar dan menyukarkan tugas saya sebagai PAKP untuk membuat laporan sekiranya ada penduduk yang sakit atau berlaku kecemasan.

"Selain itu, saya harap akan ada lampu solar di kawasan penempatan ini untuk menerangi kampung pada waktu malam," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Datuk Mohd Syahbuddin Hashim berkata, pihaknya memandang serius tentang isu kemudahan asas kepada penduduk Orang Asli di kawasan pedalaman.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **22 -23 OGOS 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Ziarah Kasih KEMAS santuni tujuh penerima di Kota Samarahan
PAUTAN	https://tinyurl.com/5d3zcyh2

Ziarah Kasih KEMAS santuni tujuh penerima di Kota Samarahan

SIBU: Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Sarawak terus memperkukuh peranannya dalam mendekati dan menyantuni masyarakat di peringkat akar umbi menerusi penglibatan dalam Program Ziarah Kasih sempena Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA)@KKDW Negeri Sarawak 2026 Kota Samarahan.

Program bertemakan 'Menghulur Kasih, Menyantuni Kehidupan' itu menyaksikan tujuh penduduk dari Kampung Muara Tuang Hulu dan Kampung Sindang Hulu menerima sumbangan berupa bakul makanan serta wang tunai bagi membantu meringankan beban dan memenuhi keperluan harian mereka.

Turut bersama dalam lawatan Ziarah Kasih tersebut ialah Pengarah KEMAS Negeri Sarawak Taufik Mohd Yusop sebagai manifestasi komitmen KEMAS Sarawak dalam menjayakan agenda pembangunan komuniti serta memastikan kebajikan masyarakat, khususnya golongan yang memerlukan, terus diberikan perhatian.

Kehadiran beliau dalam program turun padang itu turut memberi peluang untuk mendekati penerima dan ahli keluarga secara langsung, selain melihat sendiri keadaan serta keperluan masyarakat setempat.

Pendekatan sebegini selaras dengan peranan KEMAS sebagai agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang sentiasa dekat dengan masyarakat dan komuniti luar bandar.

Daripada tujuh penerima tersebut, dua merupakan penduduk Kampung Muara Tuang Hulu manakala lima lagi dari Kampung Sindang Hulu.

Mereka terdiri daripada golongan memerlukan termasuk individu sakit, Orang Kelainan Upaya (OKU), asnaf serta penerima yang berdaftar di bawah sistem eKasih.

Sumbangan telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Samarahan Ahmad Abdul Razak mewakili Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah merangkap Ahli Parlimen Kota Samarahan Datuk Rubiah Wang.

Melalui program itu, KEMAS bersama agensi kerajaan serta kepimpinan setempat dapat mendekati masyarakat secara lebih dekat, di samping mengenal pasti keperluan sebenar mereka.

Usaha ini bukan sahaja membawa bantuan berbentuk material, malah mencerminkan keprihatinan dan kebersamaan kerajaan dalam memastikan golongan yang memerlukan terus disantuni.

Program Ziarah Kasih merupakan antara pengisian GEMA@KKDW Negeri Sarawak 2026 Kota Samarahan yang berlangsung di Halaman Samarahan dengan pelbagai aktiviti berteraskan pembangunan, kesejahteraan dan pemerkasaan komuniti.



BANTUAN: Ahmad (duduk, tengah) diiringi Taufik (duduk, kanan) serta yang lain ketika menyerahkan sumbangan kepada para penerima.